

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEMANDU KEBANGSAAN MSPO
BIL. 2/2017**

Tarikh : 7 Disember 2017 (Khamis)

Masa : 10.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Nyatoh
Aras 11, Bangunan MPIC
Presint 2, Putrajaya

Pengerusi : YBhg Datuk K. Yogeesvaran
Ketua Setiausaha, MPIC

Kehadiran : Seperti di Lampiran 1

1. Kata-kata Aluan

1.1 YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kedatangan kepada semua ahli ke sesi mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan MSPO Bil. 2/2017.

1.2 YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan ahli mesyuarat bahawa:

- (i) YAB Perdana Menteri ketika merasmikan ulangtahun ke-100 Industri Minyak Sawit Malaysia pada 18 Mei 2017, telah mengumumkan pelaksanaan mandatori *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) menjelang 31 Disember 2019;
- (ii) Bagi memudahkan pelaksanaan skim pensijilan MSPO secara mandatori, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah menyediakan insentif untuk menampung sebahagian dari kos pensijilan. Dalam hal ini, kerajaan menyediakan insentif pensijilan sebanyak 100% kepada semua kategori pekebun kecil (bebas dan tersusun), insentif pensijilan sebanyak 30% dan 70% (bergantung kepada saiz) kepada

syarikat-syarikat perladangan dan insentif pensijilan sebanyak 30% kepada kilang-kilang pemprosesan minyak sawit; dan

(iii) Setakat Oktober 2017, sebanyak 285,691.91ha telah dipersijilkan MSPO iaitu sebanyak 277,819.38 ha dari ladang-ladang sawit dan 7872.53ha dari tanah pekebun kecil. Selain itu, sebanyak 26 kilang-kilang pemprosesan minyak sawit telah turut menerima pensijilan MSPO. Secara keseluruhannya setakat ini, 5% daripada keluasan tanaman kelapa sawit di Malaysia telah dipersijilkan MSPO.

1.4 YBhg Datuk Pengerusi juga menegaskan bahawa komitmen terhadap kemampanan minyak sawit bukan hanya disebabkan desakan daripada pihak Kesatuan Eropah (EU). Komitmen terhadap amalan kemampanan ini juga adalah berfaedah kepada industri sawit negara kerana melalui amalan pertanian yang baik ianya dapat meningkatkan kualiti sawit dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan terutamanya kepada pekebun kecil.

2. Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan MSPO Bil. 1/2017

Minit mesyuarat disahkan tanpa sebarang pindaan.

3. Maklumbalas Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan MSPO Bil. 1/2017

3.1 Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) memohon agar MOPNA dapat dimasukkan sebagai ahli di dalam Jawatankuasa Kerja Teknikal Pekebun Kecil di bawah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

3.2 Berkenaan maklum balas minit bagi perkara (vii) seperti berikut:

MPOB telah memasukkan MPOCC, DOPPA, POMA dan MOPDA sebagai ahli Jawatankuasa Kerja Teknikal Pekebun Kecil.

Mesyuarat jawatankuasa ini telah diadakan pada 19 Jun 2017 dan semua ahli baru telah hadir melainkan DOPPA. Mesyuarat juga telah mencadangkan menjemput Lembaga Kemajuan Tanah (SLDB) Sarawak dan SLDB Sabah sebagai ahli jawatankuasa ini.

- (i) *Dayak Oil Palm Planters Association, Sarawak (DOPPA)* memaklumkan DOPPA telah hadir ke mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Pekebun Kecil tersebut.
- (ii) MPOB memaklumkan DOPPA hadir ke mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Standard MSPO dan bukannya Jawatankuasa Kerja Teknikal Pekebun Kecil.
- (iii) *Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC)* memaklumkan bahawa terdapat dua Jawatankuasa mengenai MSPO iaitu Jawatankuasa Kerja Teknikal Standard MSPO di bawah MPOCC dan Jawatankuasa Kerja Teknikal Pekebun Kecil di bawah MPOB.

4. Perbincangan

4.1 Pembentangan mengenai Kemajuan Pelaksanaan MSPO bagi Tahun 2017 dan Halatuju bagi Tahun 2018 serta Status Pelaksanaan dan Perancangan bagi Tahun 2018 bagi Jawatankuasa Kerja Teknikal Standard MSPO

- (i) MPOCC telah membentangkan status pelaksanaan MSPO dan Jawatankuasa Kerja Teknikal Standard MSPO seperti perkara-perkara berikut:
 - a) *MSPO Certification Scheme;*
 - b) *Achievements to date;*
 - c) *CBs operating under MSPO Certification Scheme;*
 - d) *MSPO incentives;*
 - e) *MPOCC collaboration;*
 - f) *Progress on TWC(MSPO) on Supply Chain Certification Standard;*

- g) *Standard setting and review process;*
- h) *Finalisation of "Standards Setting & Review Procedures under the MSPO Certification Scheme;*
- i) *Finalisation of MSPO Supply Chain Certification Standard & Guidelines Document;*
- j) *Contents of MSPO Supply Chain Certification Standard (SCCS);*
- k) *MSPO SCCS Development Timeline;*
- l) *Review of existing MSPO Standards (Part 1-4); dan*
- m) *Tentative Timeline for Review of MSPO Standards.*

Slaid pembentangan adalah seperti di Lampiran 2.

- (ii) MPOCC memaklumkan buat masa ini, lima (5) Badan Pensijilan (*Certification Body – CB*) telah diakreditasi oleh Standards Malaysia manakala enam (6) lagi CB sedang di dalam proses untuk mendapatkan akreditasi.
- (iii) MPOCC memohon Standards Malaysia sekiranya dapat mempercepatkan proses akreditasi kepada enam (6) CB tersebut memandangkan keperluan yang kritikal untuk mendapatkan lebih banyak CB yang diakreditasi bagi menjalankan audit MSPO. Ini juga bagi memastikan CB adalah mencukupi untuk menjalankan audit bagi mencapai sasaran seluruh tanaman sawit di Malaysia dipersijilkan MSPO menjelang 31 Disember 2019.
- (iv) Standards Malaysia sedia membantu MPOCC bagi mempercepatkan proses akreditasi kepada CB tersebut.
- (v) YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan isu pensijilan adalah antara isu yang sering dibangkitkan diperingkat antarabangsa terutamanya di EU. Pihak EU juga membangkitkan mengenai badan yang mengiktiraf pengauditan pensijilan MSPO. MPIC berterima kasih kepada Standards Malaysia yang sudi membantu untuk mempercepatkan proses akreditasi tersebut.

- (vi) MPOCC memaklumkan pengauditan pensijilan MSPO perlulah dilihat sebagai satu proses yang bebas tanpa melibatkan pihak-pihak berkepentingan bagi membuktikan pengauditan dijalankan secara telus.
- (vii) Standards Malaysia mengalu-alukan MPIC untuk menjemput Standards Malaysia untuk turut serta di dalam perjumpaan bersama delegasi EU sekiranya perlu untuk menerangkan peranan Standards Malaysia.
- (viii) Standards Malaysia memohon MPOCC untuk memaklumkan kepada mereka lebih awal berkenaan tarikh untuk menjalankan penilaian semula piawaian MSPO untuk memudahkan peruntukan bajet bagi perkara tersebut.
- (ix) MPOCC memaklumkan Jawatankuasa Kerja Teknikal Standard MSPO akan berbincang mengenai status piawaian MSPO sama ada untuk mengekalkan penggunaan Malaysia Standard (MS) atau hanya sebagai dokumen skim.

4.2 Pembentangan mengenai status pelaksanaan dan perancangan bagi Tahun 2018 bagi Jawatankuasa Kerja Teknikal Pekebun Kecil

- (i) MPOB telah membentangkan status pelaksanaan pensijilan MSPO untuk pekebun kecil seperti perkara-perkara berikut:
 - a) Skop Bantuan MPOB bagi Pensijilan MSPO Pekebun Kecil;
 - b) Sasaran Pensijilan MSPO Pekebun Kecil;
 - c) Status Pelaksanaan Pensijilan MSPO;
 - d) Perancangan Pensijilan MSPO bagi Tahun 2018; dan
 - e) Isu Pensijilan MSPO Pekebun Kecil.

Slaid pembentangan adalah seperti di Lampiran 3.

- (ii) MOPNA memaklumkan lebih banyak usaha perlu dilakukan MPOB dalam menyampaikan maklumat berkenaan MSPO kepada pekebun kecil persendirian. MOPNA memberi contoh pekebun kecil persendirian di Melaka yang terdiri daripada kaum Cina masih tidak mendapat maklumat mengenai pensijilan MSPO.
- (iii) MPOB memaklumkan mereka sedang berusaha ke arah tersebut dengan menubuhkan *Sustainable Palm Oil Clusters* (SPOC) di mana pekebun-pekebun kecil ini akan dikelompokkan bagi menyediakan mereka untuk mendapatkan pensijilan MSPO.
- (iv) YBhg Datuk Pengerusi berharap MPOB dapat meningkatkan lagi usaha untuk berjumpa dengan pekebun-pekebun kecil ini bagi memberi kesedaran dan menerangkan kepada mereka mengenai pensijilan MSPO.
- (v) *World Wide Fund For Nature* (WWF) memaklumkan berdasarkan pembentangan dari MPOB, sasaran untuk keseluruhan pekebun kecil mendapat pensijilan MSPO menjelang 31 Disember 2019 mungkin tidak akan tercapai. Kerajaan perlu melihat kembali perkara tersebut dan merangka strategi hala tuju seterusnya.
- (vi) MPOCC memaklumkan MPOB telah mengenal pasti 162 SPOC untuk diwujudkan dan di dalam SPOC tersebut terdapat lebih kurang 1500 - 2000 pekebun kecil. Terdapat beberapa isu seperti isu hak milik tanah yang menyebabkan pekebun kecil ini tidak dapat dipersijilkan MSPO. MPOCC mencadangkan agar diadakan bengkel bagi membincangkan dan menyelesaikan perkara tersebut.
- (vii) YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan MPOB akan berusaha mempersijilkan sebanyak mungkin pekebun kecil dan memastikan semua pekebun kecil tersebut bersedia untuk dipersijilkan MSPO. Mesyuarat bagi membincangkan dengan

terperinci mengenai perkara ini perlu diadakan.

- (viii) MOPNA berpandangan lebih banyak dana perlu diperuntukkan bagi melantik lebih ramai pegawai TUNAS MPOB untuk menguruskan hal-hal berkenaan pekebun kecil bagi mempercepatkan proses mendapatkan pensijilan MSPO.
- (ix) DOPPA memaklumkan telah bekerjasama dengan MPOB untuk mengadakan sesi taklimat mengenai MSPO kepada pekebun kecil. Taklimat-taklimat tersebut melibatkan lapan (8) kawasan di Sarawak. Daripada sesi taklimat tersebut pekebun kecil ini tiada kekangan mentaliti dan mereka bersedia untuk dipersijilkan MSPO. DOPPA memohon daripada MPOB senarai 60 SPOC yang akan dibangunkan di Sarawak bagi membolehkan DOPPA mendaftarkan pekebun kecil tersebut di dalam SPOC masing-masing.

4.3 Pembentangan mengenai Pelaksanaan, Cabaran dan Halatuju e-TRACE (*Electronic Traceability System* - ETS)

- (i) MPOB telah membentangkan pelaksanaan, cabaran dan halatuju e-TRACE seperti perkara-perkara berikut:
 - a) *Project Background;*
 - b) *Project Scope;*
 - c) *Supply Chain of Oil Palm Products;*
 - d) *e-TRACE Service Model;*
 - e) *Project Status & Challenges;*
 - f) *Timeline Activities;*
 - g) *Project Implementation Procedure;* dan
 - h) *Implementation Plan.*

Slaid pembentangan adalah seperti di Lampiran 4.

- (ii) WWF berpandangan e-TRACE adalah sistem yang dibangunkan berdasarkan keperluan *Supply Chain*

Certification Standard (SCCS). Sehubungan itu, adalah perlu jangka masa pelan pembangunan e-TRACE mengambil kira pelan pembangunan SCCS bagi memastikan kedua-dua sistem dan standard ini dapat di laksanakan secara bersama.

- (iii) YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan perkara tersebut akan dibincangkan secara terperinci bersama MPOB dan MPOCC.
- (iv) MPOA memberi pandangan e-TRACE juga dapat membantu mengurangkan penggunaan kertas di dalam proses pendaftaran dan proses-proses lain yang sebelum ini melibatkan penggunaan fail dan kertas. MPOA juga membangkitkan beberapa isu berkaitan e-TRACE seperti akses kepada internet di kawasan pedalaman dan penguatkuasaan yang perlu dilakukan bagi mengelakkan sistem ini di salah gunakan.
- (v) Standards Malaysia memaklumkan MPOB perlu melihat beberapa perkara di dalam garis masa pelan pelaksanaan e-TRACE yang dapat dipendekkan.
- (vi) MPOCC memaklumkan melalui e-TRACE pembeli dapat mengenal pasti sebagai contoh buah sawit yang dibeli datang daripada tanaman sawit yang dipersijilkan MSPO ataupun tidak. Pembeli juga dapat memeriksa bukti atau kesahihan buah sawit yang dipersijilkan MSPO tersebut.
- (vii) YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan e-TRACE ini akan dapat memberi faedah kepada industri sawit negara seiring dengan hasrat negara menuju kearah industri sawit mampan.

5. Hal-hal Lain

- (i) WWF mengajukan soalan mengenai bagaimana kerajaan akan memastikan negara pengimport sawit seperti Eropah dan China akan dapat menerima minyak sawit yang dipersijilkan MSPO.

- (ii) MPOCC memaklumkan pensijilan MSPO perlulah seiring dengan keperluan antarabangsa dan juga perlu mendapatkan pengiktirafan daripada Kesatuan Eropah. Buat masa ini beberapa kajian dan penilaian terhadap skim-skim pensijilan kemampanan minyak sawit termasuklah skim pensijilan MSPO telah dilakukan oleh pihak-pihak seperti *Institute for Sustainable Development and International Relations* (IDDR), *Institute for Energy and Environmental Research* (IFEU), WWF dan juga *European Commission* (EC). Daripada kajian dan penilaian ini gambaran kedudukan piawaian MSPO berbanding piawaian-piawaian pensijilan lain dapat diberikan. Ianya juga dapat membantu menambahbaik dan memperbaiki kelemahan MSPO. Secara tidak langsung, masyarakat antarabangsa akan lebih yakin terhadap komitmen Malaysia dalam menambahbaik piawaian MSPO.
- (iii) YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan bagi memastikan penerimaan ke atas minyak sawit yang dipersijilkan MSPO, kerajaan sedang berusaha untuk meyakinkan pemegang-pemegang taruh berkaitan sawit di negara-negara pengimport minyak sawit. *Malaysian Palm Oil Council* (MPOC) sedang menjalankan promosi di negara-negara tersebut bagi memberi kesedaran dan maklumat yang tepat mengenai minyak sawit negara. Promosi-promosi yang dijalankan turut memberi maklumat mengenai skim pensijilan MSPO dan kenapa perlu memilih MSPO. Kerjasama diantara MPOCC dan *International Sustainability and Carbon Certification* (ISCC) juga adalah salah satu kaedah untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa.
- (iv) YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan MSPO adalah skim pensijilan yang melibatkan G to G yang berlandaskan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan dalam negara. Lebih 90 peratus prinsip dan kriteria di dalam MSPO adalah sama dengan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) manakala lebih 17 peratus prinsip dan kriteria yang terkandung di dalam MSPO tidak terkandung di dalam RSPO.

- (v) YBhg Datuk Pengerusi memaklumkan kerajaan sentiasa komited untuk menambahbaik pensijilan MSPO dan proses penambahbaikan ini adalah proses yang berterusan. Kerajaan juga sedang bekerjasama dengan negara-negara pengeluar sawit yang lain melalui *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) bagi menangani isu-isu berkaitan sawit.
- (vi) YBhg Datuk Pengerusi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli yang hadir ke mesyuarat kali ini yang telah banyak memberikan input-input berguna dalam usaha kerajaan untuk menambahbaik pelaksanaan skim pensijilan MSPO bagi kepentingan industri sawit negara.

6. Keputusan

6.1 Mesyuarat telah membincangkan perkara-perkara di atas dan bersetuju seperti berikut:

- (i) MOPNA dimasukkan sebagai ahli di dalam Jawatankuasa Kerja Teknikal Pekebun Kecil di bawah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);

Tindakan: MPOB

- (ii) Senarai 60 SPOC yang akan dibangunkan di Sarawak diberikan kepada DOPPA bagi membolehkan DOPPA mendaftarkan pekebun-pekebun kecil di Sarawak di dalam SPOC masing-masing;

Tindakan: MPOB

- (iii) MPOCC dan Standards Malaysia bekerjasama dalam memastikan proses akreditasi CB dapat dipercepatkan; dan

Tindakan: MPOCC dan Standards Malaysia

- (iv) MPOB dan MPOCC bekerjasama bagi memastikan sistem e-TRACE yang dibangunkan adalah seiring dengan keperluan pensijilan MSPO.

Tindakan: MPOB dan MPOCC

7. Penangguhan Mesyuarat

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

**Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sago
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
16 November 2017**

Senarai Kehadiran

1. YBhg Datuk K. Yogeessvaran – Pengerusi
Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
2. Puan Zurinah Pawanteh
Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi)
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
3. YBrs. Dr. Sugumari Shanmugam
Setiausaha Bahagian Kanan (BISS)
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
4. YBhg Datuk Fadilah Baharin
Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia)
5. Tuan Haji Ismail bin Ithnin
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
Jabatan Alam Sekitar (JAS)
6. Puan Umadevi Kurias
Timbalan Pengarah (Ekonomi)
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
7. Encik Mohd Suhaimi Bardi
Penolong Pegawai Pertanian
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
8. Encik James Sinjeng
Ketua Penolong Setiausaha
Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat &
Pembangunan Wilayah (MANRED)
9. Encik Lai Nan Fatt
Penolong Setiausaha
Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat &
Pembangunan Wilayah (MANRED)

10. Tuan Hj Mohamad Nor Abd. Rahman
Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
11. Encik Abdul Jalil Murad
Pengarah, Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
12. Encik Mohd. Shahrin Ramani
Ketua Unit, Pelestarian, Pemuliharaan & Pensijilan
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
13. Puan Nor Hayati Muhammad
Pegawai Tadbir, Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
14. Puan Marrina Shahrom
Pegawai Tadbir, Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
15. Encik Harnarinder Singh
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC)
16. YBrs Dr. Sanath Kumaran
Pengurus Kanan
Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC)
17. YBhg Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin Bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
(RISDA)
18. Encik Teoh Beng Chuan
Ketua Pegawai Eksekutif
Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM)
19. Encik Selvam Kurusamy
Timbalan Presiden
The Malayan Edible Oil Manufacturers Association (MEOMA)

20. Puan Rita S.P Insol
Timbalan Presiden
Dayak Oil Palm Planters Association (DOPPA)
21. Encik A. Navamukundan
Setiausaha Kerja
National Union of Plantation Workers (NUPW)
22. Encik Tan Kim Tun
Presiden
Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA)
23. Encik Benjamin Loh
Pengurus Minyak Sawit Mampan
World Wide Fund For Nature (WWF-Malaysia)
24. Encik Yusof Alif
Ketua Penerangan
Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM)
25. Encik Wee You Liang
Ahli Jawatankuasa
Palm Oil Millers Associations Of Malaysia (POMA)
26. Encik UR Unnithan
Presiden
Malaysian Biodiesel Association (MBA)
27. Puan Siti Rosemina Bux
Ahli Jawatankuasa
Malaysian Oleochemical Manufacturers Group (MOMG)
28. Encik Tan Beng Huat
Pengarah Pemasaran dan promosi
Malaysian Palm Oil Association (MPOA)
29. Encik Mohamad Shofi Mustapa
PRO
Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia
(NASH)


- 30. YBrs Prof. Dr. Robiah Yunus
Dekan
Universiti Putra Malaysia (UPM)
- 31. Encik Hadrian Numpang anak Hollis Awell – Urusetia
- 32. Encik Mohd Izwan Jamaludin – Urusetia

Status Pelaksanaan MSPO bagi tahun 2017 dan Perancangan bagi Tahun 2018 oleh Jawatankuasa Kerja Teknikal Mengenai Standard MSPO [TWC(MSPO)]

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu
Kebangsaan MSPO Bil. 2/2017
7 December 2017



MSPO Certification Scheme



Progress in implementation of MSPO Certification



Achievements To Date (October 2017)

	Units Certified	Certified Area (ha)
Individual Smallholder Areas Certified under MSPO Part 2 (ha)	18 clusters	4,004.19
Organised Smallholder Areas Certified under MSPO Part 3 (ha)	2 clusters	3,868.34
Plantation Areas Certified under MSPO Part 3 (ha)	103 estates	277,819.38
Total Planted Area Certified (ha)		285,691.91

	Units Certified	Total Capacity (mt/hr)
Total Mills Certified under MSPO Part 4	26 Mills	1,687.00

11 CBs operating under MSPO Certification Scheme

5 Accredited CBs (Auditing Service Provider)

- DQS Certification (M) Sdn Bhd
- SGS (Malaysia) Sdn Bhd
- Bureau Veritas (M) Sdn Bhd
- TUV NORD (Malaysia) Sdn Bhd
- SIRIM QAS International Sdn Bhd



6 more CBs undergoing Accreditation

- CARE Certification International (M) Sdn Bhd
- BSI Services Sdn Bhd
- Prima Cert International Sdn Bhd
- Control Union (Malaysia) Sdn Bhd
- NIOSH Certification Sdn Bhd
- Global Gateway Certification Sdn Bhd

MSPO Incentives

Entities	Category and Audit cost incentive (of auditing fee for MSPO Stage 1 & Stage 2 Audits)	
Estates	40.46 – 1,000 ha	70%
	Larger than 1,001 ha	30%
Processing Facilities	Mills Kernel Crushers Refineries	30%


The incentives are open to estates and processing facilities licensed by MPOB




MPOCC Collaboration

Activity	Updates
MSPO-RSPO Combined Audits	- MPOCC collating checklist from CBs to be streamlined by consultant. - Committee consists of: - MPOCC & RSPO (Scheme Owners); - Sime Darby Plantation, PPB Oil Palms Berhad, FGV & FELDA (Plantation Companies); - Control Union & SIRIM QAS (Certification Bodies); and - MPOB 2nd Meeting held on 20 October 2017 - Agreed with definition of Combined and Integrated Audits - First Pilot combined MSPO-RSPO audits to be conducted on 11-15 December 2017
Collaboration between MPOCC and ISCC	- MPOCC cooperate with ISCC to undertake a study towards strengthening MSPO principles and criteria including system to harmonise requirements under ISCC - Scope of work under the collaboration between MPOCC and ISCC are as follows: - Comparison of Sustainability Requirements in MSPO MS2530:2013 Standards and ISCC Sustainability Requirements:


Technical Working Committee on MSPO Standards (2017)



Progress on TWC(MSPO) on Supply Chain Certification Standard (2017-2018)



Standard Setting & Review Process



Planned Key Activities for 2018



1. Finalisation of "Standards Setting & Review Procedures under the MSPO Certification Scheme"


- Contents:
 - Scope
 - Standards Development Activities
 - Stakeholder Identification
 - Public Consultation
 - Pilot Testing
 - Publication & Availability
 - General
 - Record Keeping
 - Complaints

Draft 1
dated 14 August 2017

Standards Setting and Review Procedures under the
Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)
Certification Scheme



2. Finalisation of MSPO Supply Chain Certification Standard & Guidelines Document



Contents of MSPO Supply Chain Certification Standard (SCCS)

1. Management System

- Policy
- Management Rep.
- Record keeping
- Procedures
- Internal Audit
- Management Review

2. Resource Management

3. Sales and Purchase

4. Traceability System

1. Segregation
2. Mass balance



5. Outsourced Contractors

6. Claim

7. Complaints and Grievances

8. IT Platform

- Integrated with MPOB's Electronic Traceability System (E-Trace)




MSPO SCCS Development Timeline

Activities	2017						2018			
	July	Aug	Sept	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mar	Apr
First TWC(MSPO) Meeting	10 July									
First EWG Meeting	21 July									
Second EWG Meeting		4 Aug								
Second TWC(MSPO) Meeting		21 Aug								
First MSPO SCCS Public Comment (60 days)		29 Aug – 28 Oct								
Third EWG Meeting					23 – 24 Nov					
Third TWC(MSPO) Meeting						19 Dec				
Second MSPO SCCS Public Comment (30 days)						25 Dec 2017–24 Jan 2018				
Guidelines document							29 – 30 Jan			
Fourth EWG Meeting							29 – 30 Jan			
Fourth TWC(MSPO) Meeting								5-6 Feb		
Pilot Study (15 processing facilities)								10 Feb – 10 Mar		
Fifth EWG Meeting									Mid-Mar	
Fifth TWC(MSPO) Meeting									End-Mar	
NSC (MSPO) Endorsement										Early-April

3. Review of existing MSPO Standards (Part 1-4)

- Through multi-stakeholder regional consultations (Peninsular, Sabah, Sarawak)



Tentative Timeline for Review of MSPO Standards (in year 2018)

	Jan	Feb	Mar	Apr	May	June	July	Aug	Sept	Oct	Nov	Dec
Stakeholder mapping		→										
Announcement			→									
EWG Draft documents TWC				→								
Regional Multistakeholder consultation						→						
Public Comments									→			
Pilot testing												→
Consensus building on Final Draft												
NSC endorsement												
Publication of Standard												

Thank You

Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC)
 15th Floor, Bangunan Getah Asli (Menara)
 148, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia
 Website: www.mpocc.org.my
 Tel: + 603 2181 0192 | Fax: +603 2181 0167
 E-mail: info@mpocc.org.my



CERTIFYING MALAYSIAN PALM OIL FOR THE WORLD





STATUS PELAKSANAAN PENSIJILAN MSPO UNTUK PEKEBUN KECIL

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU KEBANGSAAN MSPO
(BIL. 2/2017)
MPIC, PUTRAJAYA
07 Disember 2017



KANDUNGAN

1. Skop Bantuan MPOB bagi Pensijilan MSPO Pekebun Kecil
2. Sasaran Pensijilan MSPO Pekebun Kecil
3. Status Pelaksanaan Pensijilan MSPO
 - a) Pekebun Kecil Persendirian
 - b) Pekebun Kecil Tersusun
4. Perancangan Pensijilan MSPO bagi Tahun 2018
 - a) Pekebun Kecil Persendirian
 - b) Pekebun Kecil Tersusun
5. Isu Pensijilan MSPO Pekebun Kecil

1. SKOP BANTUAN MPOB

- ◆ Memberi bantuan khidmat teknikal untuk pekebun kecil sawit melaksanakan Pensijilan MSPO.
- ◆ **Pekebun Kecil Persendirian:**
 - mewujudkan data asas dan kelompok pekebun kecil (SPOC – *Sustainable Palm Oil Cluster*)
 - pemetaan pekebun kecil (koordinat GPS)
 - latihan MSPO
 - penyediaan dokumen MSPO (polisi/SOP/rekod/dokumen)
 - audit dalaman MSPO
 - membantu sewaktu audit MSPO
- ◆ **Pekebun Kecil Tersusun:**
 - latihan MSPO
 - analisis gap (jika perlu)

2. SASARAN PENSIJILAN MSPO BAGI PEKEBUN KECIL

Bil.	Kategori Pekebun Kecil	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
1.	Pekebun Kecil Persendirian	7 SPOC	15 SPOC	20 SPOC	60 SPOC	60 SPOC	162 SPOC
2.	**Pekebun Kecil Tersusun	-	3,868.34 Ha	256,471 Ha	364,475 Ha	624,814 Ha	1,041,358 Ha

**Sasaran mungkin berubah mengikut pelan tindakan pelaksanaan MSPO bagi agensi yang terlibat.

3. STATUS PELAKSANAAN PENSIJILAN MSPO

a) PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN

SPOC / Kelompok Peniaga BTS yang telah mendapat Pensijilan MSPO :

Perkara	Bil. SPOC / Kelompok BTS	Bil. Pekebun Kecil	Keluasan Bersijil (Hektar)
SPOC	22	1,165	4,304.32
Kelompok Peniaga BTS	-	-	-
JUMLAH	22	1,165	4,304.32

Bil.	SPOC / Kelompok Peniaga BTS	Tarikh Dipersijilkan	Tarikh Dipersijilkan Semula	Bil. Pekebun Kecil	Luas (Hektar)
1.	Hilir Perak	10 Oct 2014	-	40	87.95
2.	Kuala Langat B1 - Teluk Panglima Garang	22 Oct 2014	22 Oct 2017	49	64.78
3.	Kuala Langat B2 - Kelanang		22 Oct 2017	47	58.79
4.	Kuala Langat B3 - Jugra		22 Oct 2017	51	66.26
5.	Bera	30 Nov 2015	-	31	83.33
6.	Beluran	22 Jun 2015	-	42	155.13
7.	Saratok	28 Oct 2015	-	220	957.51
8.	Selangau	7 Mar 2015	-	13	103.47
9.	Yong Peng	19 Dec 2016	-	20	54.04
10.	Tangkak	16 Dec 2016	-	285	952.5
11.	Kuala Selangor	20 Mar 2017	-	13	19.06
12.	Kluang	6 Feb 2017	-	21	46.76
13.	Pekan	21 Feb 2017	-	14	42.25
14.	Kenlingau	5 Jan 2017	-	43	171.07

Bil.	SPOC / Kelompok Peniaga BTS	Tarikh Dipersijilkan	Tarikh Dipersijilkan Semula	Bil. Pekebun Kecil	Luas (Hektar)
15.	Kinabatangan	5 Jan 2017	-	50	276.65
16.	Bakong	21 Mar 2017	-	50	302.65
17.	Beaufort	27 Apr 2017	-	25	59.49
18.	Selama	15 May 2017	-	41	164.08
19.	Temerloh	14 Jun 2017	-	14	35
20.	Sibu	5 Jul 2017	-	51	389.52
21.	Belaga	10 Aug 2017	-	25	177.99
22.	Sungkal	17 Nov 2017	-	20	36.04
Jumlah				1,165	4,304.32

SPOC / Kelompok Peniaga BTS yang sedang dalam proses Pensijilan MSPO :

Perkara	Bil. SPOC / Kelompok BTS	Bil. Pekebun Kecil	Keluasan Bersijil (Hektar)
SPOC	21	1,196	4,510.26
Kelompok Peniaga BTS	1	108	768.43
JUMLAH	22	1,304	5,278.69

Bil.	SPOC / Kelompok Peniaga BTS	Bil. Pekebun Kecil	Luas (Ha)	Tarikh Dipersijilkan	Status
1.	Serian	70	388.46	-	Proses Penilaian Laporan Akhir
2.	Kuala Kangsar (A10)	50	89.43	-	Proses Penilaian Laporan Akhir
3.	Pasir Panjang (N4)	58	120.28	-	Audit Fasa 2
4.	Machap (M1)	51	128.80	-	Audit Fasa 2
5.	Sungai Rambai (M2)	51	143.43	-	Audit Fasa 2
6.	Kuala Upi (C9)	50	102.46	-	Audit Fasa 2
7.	Sedili (J10)	50	190.10	-	Audit Fasa 2
8.	Kota Tinggi (J11)	50	120.18	-	Audit Fasa 2
9.	Pengerang (J12)	50	121.48	-	Audit Fasa 2
10.	Mersing (J14)	90	140.00	-	Audit Fasa 2
11.	Rengit (J30)	50	76.94	-	Audit Fasa 2
12.	Alor Hilam (J35)	50	89.42	-	Proses Penilaian Laporan Akhir
13.	Labis (J38)	50	133.22	-	Audit Fasa 2
14.	Kota Marudu (S1)	103	442.11	-	Audit Fasa 2
15.	Penangah (S17)	50	195.57	-	Audit Fasa 2
16.	Kunak (S26)	51	277.75	-	Audit Fasa 2

Bil.	SPOC	Bil. Pekebun Kecil	Luas (Ha)	Tarikh Dipersijilkan	Status
17.	Kalabakan (S27)	50	171.54	-	Audit Fasa 2
18.	Sematan (Q1)	61	475.16	-	Audit Fasa 2
19.	Bau, Padawan (Q2)	61	432.64	-	Audit Fasa 2
20.	Lawas (Q20)	50	304.24	-	Audit Fasa 2
21.	Umbang (Q21)	50	277.05	-	Audit Fasa 2
22.	Kelompok Eng Lee Heng Trading	108	768.43	-	Audit Fasa 2
Jumlah		1,324	5,278.69		

3. STATUS PELAKSANAAN PENSIJILAN MSPO b) PEKEBUN KECIL TERSUSUN

Agensi yang telah mendapat Pensijilan MSPO :

Nama Agensi	Bil. Skim / Rancangan	Bil. Pekebun Kecil	Keluasan Bersijil (Hektar)
FELDA	2	986	3,868.34
FELCRA	-	-	-
RISDA	-	-	-
SALCRA	-	-	-
SLDB	-	-	-
JUMLAH	2	986	3,868.34

Bil.	Agensi / Rancangan	Tarikh Dipersijilkan	Bil. Pekebun Kecil	Luas (Hektar)
1.	FELDA Lasah	10 Okt 2014	387	887.05
2.	FELDA Ijok	22 Okt 2014	599	2,981.29
Jumlah			986	3,868.34

Senarai Agensi / Rancangan yang telah diberikan taklimat MSPO :

Bil.	Agensi	Rancangan / Daerah	Tarikh Taklimat
1.	FELDA	Sg Tekam Utara	11-12 Mei 2017
		Jengka 11	23 Mei 2017
		Bukit Sagu 1, Bukit Sagu 2, Bukit Sagu 3	18 Jul 2017
		Raja Alias 1, Raja Alias 2, Raja Alias 3, Raja Alias 4, Serling Hillr 1, Serling Hillr 2, Serling Hillr 3, Serling Hillr 4, Serling Hillr 5, Serling Hillr 6, Serling Hillr 7	8 Ogos 2017
		Jengka 10, Jengka 8, Jengka 9 & Sg Tekam Utara	1 Ogos 2017
		Padang PloI, Sg. Retang	7 Ogos 2017
		Kechau 1 & Chegah perah	14 Sept 2017
2.	FELCRA	(Zon Sabah) Kota Kinabalu, Sabah	19 Sept 2017
		(Zon Sarawak) Kuching, Sarawak	18 Sept 2017
		(Zon Timur) Kuantan, Pahang	12 Sept 2017
		(Zon Timur) Kuala Terengganu, Terengganu	13 Sept 2017
		(Zon Tengah) Port Dickson, Negeri Sembilan	25 Sept 2017
		(Zon Selatan) Johor Bahru, Johor	28 Sept 2017
		(Zon Utara) Ipoh, Perak	19 Sept 2017
		(Zon Utara) Alor Setar, Utara	20 Sept 2017

Senarai Agensi / Rancangan yang telah diberikan taklimat MSPO :

Bil.	Agensi	Rancangan / Daerah	Tarikh Taklimat
3.	SLDB (Sabah Land Development Berhad)	Tawau Region, Sabah	23 Ogos 2017
		Keningau Region, Sabah	24 Ogos 2017
		Ibu Pejabat SLDB, Kota Kinabalu Sabah	25 Ogos 2017
4.	KESEDAR	Gua Musang, Kelantan	26-27 Julai 2017
5.	Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)	Ibu Pejabat, Kota Kinabalu	22 Ogos 2017

4. PERANCANGAN PENSIJILAN MSPO 2018

a) PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN

Sasaran 2018 : 60 SPOC

Aktiviti	2017	2018			
	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
Penubuhan 60 SPOC • kenal pasti pekebun kecil sebagai ahli SPOC • lantikan Pengurus SPOC	↔				
Penyediaan asas data ahli SPOC • lokasi, koordinat GPS, hasil BTS, geran/status, lesen MPOB, lawatan GAP, dll.	↔	↔			
Latihan & Penyediaan dokumen MSPO • Latihan (MSPO, DOE, DOSH, DOA, dll.) • Polisi, SOP, rekod, dokumen, dll.		↔			
Audit Dalaman MSPO		↔			
Audit MSPO • Fasa 1 • <i>Stakeholder Consultation</i>			↔		
Audit MSPO • Fasa 2 • Pensijilan MSPO				↔	↔

4. PERANCANGAN PENSIJILAN MSPO 2018

b) PEKEBUN KECIL TERSUSUN

Bil.	Agensi	Status Pensijilan MSPO	Jangkaan Keluasan Bersijil 2018 (Hektar)
1	FELDA	• 2 Rancangan FELDA Bukit Sagu (1 dan 2/3) akan menjalani audit MSPO fasa 2 pada 6-8 Nov 2017.	1,881
		• 5 Rancangan FELDA Serting Hilir (1,2/3,4,5,6/7) akan menjalani audit MSPO fasa 1 pada 20-21 Nov 2017.	4,825
		• 4 Rancangan FELDA Raja Alias (1,2,3,4,) akan menjalani audit MSPO fasa 1 pada 21-22 Nov 2017.	5,867
2	FELCRA	• 90 kawasan akan dipersijilkan MSPO pada tahun 2018.	120,876
3	SALCRA	• 15 ladang akan menjalani audit MSPO fasa 2 pada 13-24 Nov 2017.	51,751
4	SLDB	• 6 ladang dalam proses persediaan ke arah pelaksanaan Pensijilan MSPO pada tahun 2018.	9,587
JUMLAH			194,787

RISDA – Dijangka melaksanakan pensijilan MSPO setelah selesai audit CoP pada April 2018.

5. ISU PENSIJILAN MSPO PEKEBUN KECIL

◆ Pekebun Kecil Persendirian:

1. Komitmen pekebun kecil untuk laksana MSPO (mentaliti pekebun kecil bahawa Pensijilan MSPO agak sukar dan menyusahkan).
2. Tidak semua pekebun kecil boleh menunjukkan hak pemilikan tanah yang sah (tiada Geran Tanah atau sebarang dokumen tanah).
3. Status penggunaan tanah selain sawit (getah, koko, dusun, padi, dll.)
4. Pokok sawit ditanam di kawasan yang mempunyai nilai pemuliharaan tinggi (kawasan *HCV*).
5. Kekurangan sumber manusia untuk persijilkan 100% pekebun kecil.
6. Kekangan waktu juruaudit MSPO.

◆ Pekebun Kecil Tersusun:

1. Bantuan kos pensijilan dan infrastruktur yang terhad.



- TERIMA KASIH -



ELECTRONIC TRACEABILITY SYSTEM e-TRACE

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU KEBANGSAAN
MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) BIL. 2/2017

[7 DISEMBER 2017]

1

PROJECT BACKGROUND

OBJECTIVES

1. To trace and monitor transaction for the supply chain of oil palm products from producer to bulking installation or product manufacturer.
2. To support compliance of MSPO certification.

DURATION

Three (3) years (7/2017 – 6/2020)

SOURCE OF FUNDING

Ministry of Finance

STAKEHOLDERS

- MPOB Licensees
- Oil Palm Industry
- MPIC and other ministries

OUTCOME

Centralized data warehouse for intelligent informatics of the oil palm industry.

2

PROJECT SCOPE

PROJECT SCOPE

1. Software Development

- a) Develop a system to gather information on transaction along the supply chain from seed production to export of products.
- b) Establish a centralized data warehouse and integrate with MPOB existing systems.
- c) Map the location of licensee's premises.
- d) Establish database on enforcement actions.

2. Infrastructure of e-TRACE

Purchase, install and deploy of:

- a) Backup systems & related equipment.
- b) Disaster recovery system & related equipment.
- c) Network systems and related equipment.
- d) Server hardware & related equipment.
- e) Operation helpdesk software.

3

PROJECT SCOPE

PROJECT SCOPE



3. Dedicated Data Center

- a) Renovation of data center with separate electricity supply, 24 hours air conditioning, raise floor extension and related equipment.
- b) Installation of fire safety equipment.
- c) Purchasing of UPS and related equipment; or
- d) Outsource to hosting service provider.

4. Renovation of Command Center

Control Room, Intelligent/Surveillance Room, Officers Room, Meeting Room, Specialized Service Center.

4



PROJECT STATUS & CHALLENGES

PROJECT STATUS (NOV 2017)

1. Aug 2017 - Obtain advice on project implementation procedures from MAMPU.
2. Sept 2017 - Discussion with MIMOS as they intend to become the technology provider to MPOB.
3. July to Nov 2017 - Market research to analyze the various types of trading transaction throughout the oil palm products supply chain.
4. July to Nov 2017 - Preparation of hardware and software specification.

CHALLENGES


1. Compatibility for integration with existing industry databases.
2. Cooperation from industry players to involve in e-Trace.
3. Lack of infrastructure.
4. Different level of computer skill among users.

WAY FORWARD

Consultation with oil palm industry player.


7

TIMELINE ACTIVITIES



8

PROJECT IMPLEMENTATION PROCEDURE



IMPLEMENTATION PLAN

No	Tasks	2017				2018				2019				2020			
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
1	Budget Approval from MOF																
2	Discussion with MIMOS																
3	Consultation with MAMPU																
4	Market Research																
5	Presented to Technical Committee																
6	Tender Process																
7	Appointment of vendor																
8	Renovation of Data Center																
9	Renovation of Command Center																
10	Preparation of User Requirement Study																
11	Analyze & system design																
12	System development																
12.1	e-PREMIS																
12.2	e-FFB																
12.3	e-ALERT																
12.4	e-PM																

IMPLEMENTATION PLAN

No	Tasks	2017				2018				2019				2020			
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
12.5	e-PP																
13	Purchase e-Trace Hardware Initia																
14	Hardware Deployment																
15	System Integration																
16	System Deployment & Test-run																
17	Final Acceptance Test																
18	Training																
19	Awareness programme & change management																
20	System Goes Live																

11

Thank
you

e-TRACE

12